

**Jawatankuasa Pindaan AUKU Serah Cadangan Pindaan Februari Depan
Bernama
24 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Jawatankuasa Pindaan Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dijangka menyiapkan cadangan pindaan untuk diserahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi awal Februari depan.

Pengerusi jawatankuasa itu Profesor Nik Ahmad Nik Mahmud berkata cadangan itu akan mengkaji dan mengambil kira maklum balas orang ramai berhubung kewajaran mahasiswa dibenar bergiat dalam politik kepartian.

Ia termasuk menganjurkan ceramah politik, merekrut pelajar sebagai anggota parti politik, mengedar risalah dan apa-apa aktiviti berkaitan parti politik, katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Maklum balas boleh disalurkan ke e-mel rasmi aukuwg@mohe.gov.my, akaun laman sosial <http://www.facebook.com/aukuwg> dan melalui soal selidik di laman web <http://www.mohe.gov.com.my>.

Seksyen 15 AUKU secara amnya melarang sebarang bentuk kegiatan politik kepartian di kalangan mahasiswa sama ada di dalam atau di luar kampus.

Pada November lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan seksyen itu akan dipinda bagi membolehkan pelajar yang berumur 21 tahun menyertai parti politik.

Berikutan itu, satu jawatankuasa diwujudkan bagi mengemukakan cadangan berkaitan pindaan seksyen tersebut yang dianggotai 10 ahli akademik pelbagai universiti dan dipengerusikan Profesor Nik Ahmad, yang merupakan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Nik Ahmad berkata salah satu terma rujukan jawatankuasa itu ialah mendapatkan maklum balas pihak yang berkepentingan terutama warga kampus kolej dan universiti iaitu pelajar, tenaga akademik dan bukan akademik selain mengambil kira pandangan rakyat.

Proses pertama maklum balas adalah melalui arahan bertulis Kementerian Pengajian Tinggi kepada semua Institusi Pengajian Tinggi bagi mendapatkan pandangan warga kampus mengenai pindaan yang perlu dilakukan, katanya.

Beliau berkata peringkat kedua ialah soal selidik di laman web kementerian dan laman sosial <http://www.facebook.com/aukuwg>.

Peringkat ketiga pula melalui pendengaran awam di tiga lokasi iaitu Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu, katanya.

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636353>